

Tumpu bangunkan AI penuhi permintaan pelabur - PM

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia ketinggalan dalam bidang teknologi kecerdasan buatan (AI) dan perkara itu perlu diberi perhatian di peringkat pendidikan tinggi bagi memenuhi keperluan pelabur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bagi meningkat keupayaan itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin dan naib cancellor-naib cancellor universiti harus memberi fokus dalam bidang AI.

"Dalam perbincangan, kita minta mereka juga menetapkan bidang-bidang disiplin khusus yang diperlukan supaya dapat mulakan latihan di universiti-universiti tempatan

"Jurang antara kelayakan AI kita dengan keperluan tahap tertinggi itu perlu diberi perhatian...Geely menyebut jurutera itu berada di tahap sangat baik tetapi memerlukan kepakaran khusus dalam bidang industri automotif, dia terpaksa melatih 300 jurutera di Universiti Geely di Beijing, China.

"...insya-Allah petang ini saya bincang dengan dia (syarikat Geely) dan esok di Tanjong Malim, kita nanti minta dia tetapkan bidang-bidang disiplin khusus yang diperlukan untuk kita memulakan latihan di universiti tempatan," kata Anwar pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab soalan tambahan Tan Kar Hing (PH-Gopeng) mengenai tahap kesiapsiagaan ekosistem pendidikan dan lati-

han negara ke arah membina tenaga mahir tempatan bagi mengelakkan masalah ketidaksepadanan antara pendidikan dan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Sementara itu, Anwar berkata, sepanjang memegang jawatan Perdana Menteri, beliau telah mengadakan 17 lawatan ke luar negara antaranya negara ASEAN, China, Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Dalam lawatan rasmi ke China pada 29 hingga 31 Mac lepas, Anwar berkata, negara telah menjana nilai potensi pelaburan sebanyak RM170.07 bilion manakala lawatan ke UAE baru-baru ini juga turut berjaya menjana pelaburan komited daripada UAE berjumlah RM40.6 bilion melibatkan sektor-sektor tenaga boleh baharu, logistik dan aeroangkasa.

Dalam perbincangan, kita minta mereka juga menetapkan bidang-bidang disiplin khusus yang diperlukan supaya dapat mulakan latihan di universiti-universiti tempatan."

ANWAR IBRAHIM